

Bina pusat bantu penagih dadah

UniSZA sedia kongsi kepakaran, modul pemulihan bantu pulihkan golongan berkenaan

GONG BADAK - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri untuk membina Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi membantu mengatasi masalah ketagihan dadah di negeri ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, pihaknya akan memainkan peranan untuk berkongsi kepakaran dan modul pemulihan, manakala kerajaan negeri menyediakan tempat khusus yang membolehkan penagih datang secara sukarela untuk mendapatkan rawatan.

“Kita sedia maklum bahawa masyarakat memandang serong terhadap golongan penagih ini, tetapi sebenarnya mereka memerlukan sokongan untuk pulih.

“Ketika ini, Thailand te-



Ahmad Zubaidi (dua, kiri) dan wakil Suanprung Psychiatric Hospital (tiga, kanan) bertukar dokumen perjanjian.

lah mewujudkan pusat yang hampir sama iaitu The Cabin di Chiang Mai yang merupakan pusat pemulihan untuk ketagihan dadah dan alkohol serta lengkap dengan segala kemudahan bagi mem-

bantu merawat mereka yang ketagihan.

“Kita lihat konsep ini sangat baik, namun jika ingin diwujudkan di Terengganu kita akan guna pakai modul yang lebih bersifat

Islamik dan tidak mustahil ia bakal menjadi model di seluruh negara,” katanya ketika ditemui pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Suanprung Psychiatric

Hospital, Thailand.

Katanya lagi, secara dasarnya golongan penagih memerlukan rawatan yang sama sepertimana penyakit-penyakit yang lain, namun disebabkan stigma serta

memerlukan mereka mendapatkan rawatan di pusat yang tertutup mengakibatkan mereka tersisih daripada masyarakat.

“Jadi, kita cadangkan kepada kerajaan negeri untuk mengenalpasti lokasi yang bersesuaian serta persekitaran dan bangunan yang lengkap untuk membolehkan golongan penagih serta keluarga datang untuk mendapatkan rawatan secara sukarela.

“Penagih yang datang akan diberikan nasihat dan pemulihan ke arah kerohanian serta keluarga boleh datang bersama untuk memberikan sokongan,” katanya.

Jelasnya lagi, hukuman atau penguatkuasaan undang-undang terhadap pengedar tetap dikekalkan, namun bagi penagih ia perlu dirawat sebagai pesakit.